

# JALINANKERJASAMA



## MoU UMS-KKU Tingkat Kerjasama Bidang Perubatan

Oleh : Sekolah Perubatan, UMS

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH** (UMS) sentiasa berusaha meningkatkan jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa dengan pelbagai agensi maupun institut pengajian tinggi. Kerjasama yang terjalin bukan sahaja memberi manfaat kepada pihak UMS, malah turut mampu menghasilkan impak yang tinggi terhadap pelbagai bidang kerjasama. Terbaru, UMS melalui Sekolah Perubatan telah memeterai satu perjanjian persefahaman (MoU) dengan Khon Kean University (KKU), Thailand pada 28 Februari lalu. UMS telah diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shariff A.K. Omang manakala KKU diwakili oleh Presiden KKU, Prof. Madya Dr Kittichai Triratanasirichai dalam majlis itu yang diadakan di Fakulti Perubatan KKU.

Dengan kekuatan KKU yang sedia ada, UMS dijangka mampu memanfaatkan segala pengalaman hasil dari kerjasama dengan universiti tersebut yang telah bertapak dalam bidang perubatan sejak tahun 1964. KKU mempunyai kemudahan-kemudahan seperti

Hospital Srinagarind, hospital universiti pertama di timur laut Thailand, yang dilengkapi dengan peralatan perubatan terkini dan berteknologi tinggi, selain pakar-pakar perubatan yang menepati piawaian antarabangsa. Fakulti perubatannya turut menempatkan empat Pusat Penyelidikan Kecemerlangan dan 23 Kumpulan Penyelidikan yang aktif dalam menjalankan penyelidikan khususnya terhadap penyakit di Timur Laut Thailand, menjadikannya salah satu destinasi terbaik di Asia untuk penyelidikan penyakit tropika.

Justeru, pemeteraian kerjasama ini dilihat mampu melonjakkan UMS setapak ke hadapan dalam bidang perubatan. Melalui perjanjian ini, UMS dan KKU boleh menentukan skop kerjasama dan tanggung jawab kedua-dua pihak dengan lebih jelas. Kerjasama ini juga bakal mengecualikan bayaran untuk urusan pertukaran pelajar, sokongan untuk kerjasama penyelidikan dan pertukaran kakitangan antara kedua-dua pihak.